

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

23. Isu Rumah Kos Rendah Halaman Kenanga.
- (a) Bilakah proses membaiki pulih kebocoron bumbung di Blok B, D dan E akan dibuat?
 - (b) Nyatakan prosedur PDC untuk proses ini.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

23. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang selalu mementingkan kesejahteraan hidup rakyat akan terus membantu penyelenggaraan skim-skim perumahan berstrata yang layak.

Bagi isu pembaikan bumbung di Blok B, D dan E di Halaman Kenanga, pihak Penang Development Corporation (PDC) selaku pihak pelaksana telah memaklumkan kepada Perbadanan Pengurusan (MC) Halaman Kenanga bahawa anggaran kos pembaikan adalah berjumlah RM726,400.00. Sebanyak 80% kos akan ditanggung oleh PDC, manakala 20% kos perlu ditanggung oleh MC. Projek ini akan dilaksanakan sekiranya baki pembiayaan 20% telah diselesaikan oleh pihak MC dan perolehan ini akan dilaksanakan secara tender.